

MINIT MESYUARAT PENGURUSAN TERTINGGI

CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK

Bilangan : 14 Tahun 2012
Tarikh : 8 Oktober 2012 (Isnin)
Masa : 8.30 Pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama CKE,
Tingkat 11, Centrepoin North,
The Boulevard, Midvalley City,
Kuala Lumpur.

Hadir:

Ir. Hj. Mohd Fazli Bin Osman - Pengerusi
Pengarah Kanan, Cawangan Kejuruteraan Elektrik

Ir. Nik Rahimi Bin Nik Mansor
Pengarah, Bahagian Perunding Rekabentuk

Ir. Hj. Haizan Bin Hussein, KJE (BPR A)

Ir. Noor Asyikin Binti Md Tamimi, JEPK (BPR B)

Ir. Hairol Bin Abd. Rahim, JEP (BPR B)

En. Mohd Khairi Bin Mohd Sanusi, JEP (BPR C)

Ir. Hanizan Binti Shaffii, KJE (BPR D1)

Ir. Hj. Mohd Jahini Bin Mohd Dom, KJE (BPR D2)

Pn. Noorfadzilah Binti Ramlee, KJE (BPR E)

Ir. Sharinah Binti Hamid, JEPK (BPR Projek Khas)

En. Abdullah Bin Awang, JEP (UPIKE)

Dr. Abdul Rahman Bin Mohamed Tasir, KJE (UPICT)

Tn. Hj. Baihaki Bin Azraee, KJE (UPKTE)

Ir. Rozina Binti Sudin, JEPK (UPKTE)

Ir. Zilaila Binti Hj. Zakaria, JEP (UPKTE)

En. Mohd Zaini Bin Abu Hassan, JEP (UPKTE)

Tn. Hj. Mohamed Hafiz Bin Mansor, KJE (UP Akustik)

Tn. Hj. Nizar Bin Othman, KJE (USPMA)

Pn. Najahd Binti Zainal Abidin, KJE (UKBF)

En. Mohamed Bin Embong, JEPK (UKBF)

Pn. Nooraini Binti Ibrahim, JEPK (PO)

En. Muhamed Tarmizy Bin Yaacob, KJE (BPKS)

En. Norfaizal Bin Othman, JEP (UPK)

Ir. Nor Aza Binti Mohamed Hussin, KJE (UKTK)

Pn. Ruzaini Binti Zainuddin, JEP (UPAP)

En. Tanapal A/L Balaraman, JEP (UKTK)

Tidak Hadir Dengan Maaf:

Ir. Dr. Hj. Mohd Johari Bin Md Arif

Pengarah, Bahagian Perkhidmatan Pakar

En. Muhd Syukri Bin Khasim, JEP (BPR A)

Pn. Norwaily Binti Abd. Wahid, KJE (BPR B)

En. Zulkifli Bin Abdul Rahman, JEP (BPR C)

Ir. Ahmad Fauzi Bin Jusoh @ Mohd, JEP (BPR D1)

Ir. Al-Malik Faisel Bin Mohd Saupi, JEP (BPR D1)

Ir. Siti Nor Binti Hassan, JEPK (BPR D2)

Cik Nor Amiza Syafinaz Binti Amir Abdullah, JEP (BPR D2)

En. Haniff Bin Abd. Hamid, JEP (BPR E)

En. Aidil Saifan Bin Abu Bakar, JEP (BPR E)

Ir. Mokhtar Bin Zainal, KJE (UPIKE)

Ir. Zuraidah Binti Muhamad, JEPK (UPIKE)

En. Esa Bin A. Rahman, JEP (UPICT)

En. Norulazwan Bin Nordin, JEP (UPICT)

En. Abdul Muhaimin Bin Mahmud, JEP (UPKTE)

En. Syed Azhar Alatas Bin Syed Ahmad, JEP (UP Akustik)

Ir. Sabariah Binti Hussain, JEPK (USPMA)

Ir. Hamzah Bin Ismail, JEP (USPMA)

En. Shahrul Affendy Bin Abu Bakar, JEP (UKBF)

Pn. Hanifah Binti Abdullah, JEPK (UPSP)

Urusetia

Haiziah Binti Harif

Penolong Jurutera Elektrik

Unit Pengurusan Strategik & Prestasi

Bhg. Penyelarasan & Khidmat Sokongan

1. PERUTUSAN Pengerusi

Pengerusi mengucapkan salam dan mengalu-alukan kedatangan semua ahli mesyuarat yang hadir ke Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Cawangan Kejuruteraan Elektrik Bilangan 14 Tahun 2012.

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

Minit Mesyuarat Pengurusan Tertinggi CKE Bilangan 13 Tahun 2012 disahkan tanpa pindaan;

Dicadangkan Oleh : **Tn. Hj. Baihaki Bin Azraee**

Disokong Oleh : **Ir. Hj. Mohd Jahini Bin Mohd Dom**

3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

I) AMANAT PENGURUSAN ATASAN JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

a) Pengerusi memaklumkan bahawa pembentangan Laporan Audit Negara di Parlimen akan diadakan pada 15hb dan 16hb Oktober 2012. Beberapa projek Jabatan yang dikenalpasti akan dilaporkan di dalam Laporan Audit tersebut adalah;

- i. Projek Jambatan Yahya Petra
- ii. Projek Mahkamah Syariah Balik Pulau
- iii. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

iv. Projek KDN Langkawi

Tindakan: **Untuk Makluman**

- b) Pengerusi memaklumkan bahawa Y.Bhg. Dato' TKPKR (Sektor Pengurusan) dan Pengarah Cawangan Pengurusan Korporat akan mengadakan lawatan ke Cawangan Kejuruteraan Elektrik pada 29 Oktober 2012 (Isnin), jam 9.00 pagi hingga 1.00 tengahari di Cawangan Kejuruteraan Elektrik;

Tindakan: **Untuk Makluman**

- c) Pengerusi memaklumkan perkara-perkara yang dibangkitkan semasa Mesyuarat JPP Bil. 18/2012. Dato' Seri Pengerusi memaklumkan bahawa hasil daripada Mesyuarat Khas bersama KSN pada 1 Oktober 2012 , semua jabatan diminta mengambil tindakan segera susulan daripada keputusan kerajaan dalam pembentangan Bajet 2013;

Tindakan: **Untuk Makluman**

- d) Urusan pemanggilan tender, pelantikan perunding dan sebagainya hendaklah dilaksanakan pada tahun ini. Ini bagi memastikan pembinaan projek tersebut boleh dimulakan pada Januari tahun hadapan dan sebarang kelewatan dalam penyampaian projek dapat dielakkan;

Tindakan: **Untuk Makluman**

e) Iklan tender projek boleh dikeluarkan dahulu dan dibayar pada tahun depan, hasil jaminan daripada Kementerian Kewangan. Pengerusi juga mengingatkan agar perkara ini mendapat persetujuan daripada Bahagian Kewangan, CPK;

Tindakan: **Untuk Makluman**

f) Tabung Khas Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sekolah dengan jumlah sebanyak RM 1Billion akan disediakan dalam mencapai matlamat kerajaan untuk memperkukuhkan Sistem Pendidikan Nasional;

Tindakan: **Untuk Makluman**

g) Pengerusi memaklumkan bahawa Kementerian Kewangan akan mengedarkan senarai projek-projek berkaitan kepada setiap Kementerian berserta pelan tindakan yang perlu diambil dengan segera;

Tindakan: **Untuk makluman**

h) Pengerusi memaklumkan beberapa buah projek Jabatan telah dikenalpasti untuk diaudit pada tahun hadapan adalah projek Universiti Darul Iman di Terengganu, Projek Kedutaan Besar Filipina, Kontrak Pemasangan Komponen IT di Negeri dan Daerah dan JKR WP Kuala Lumpur bagi skop memecah kecilkan kontrak;

Tindakan: **Untuk Makluman**

- i) Pengerusi memaklumkan bahawa Y.Bhg. Dato' TKPKR (Sektor Pengurusan) turut membangkitkan berkaitan isu kegagalan mematuhi pembayaran dalam tempoh 14 hari bagi Borang JKR 66 berdasarkan Arahan KPKR. Dimaklumkan, purata pembayaran JKR 66 yang telah dikaji adalah dalam tempoh 20 hari. Pengerusi mengingatkan agar tempoh pembayaran dikeluarkan selaras dengan arahan yang dikeluarkan;

Tindakan: **Untuk Makluman**

- j) Satu sistem auditan baru secara online iaitu SPIA telah dibangunkan dengan tujuan menambahbaik kaedah pengurusan kewangan sedia ada serta mempercepatkan proses auditan;

Tindakan: **Untuk Makluman**

II) ISU-ISU MELIBATKAN CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK

- a) KJE BPKS memaklumkan bahawa tindakan penambahbaikan akan diambil ke atas pengurusan CKE berdasarkan teguran dan penemuan audit SSR JKR;

Tindakan: **Untuk Makluman**

- b) Pengerusi mencadangkan supaya mencari alternatif dan pelan tindakan jangka pendek langkah-langkah penggantungan lampu, *speaker* dengan sempurna

mengikut kepelbagaian keadaan ruang bagi menangani isu kegagalan dan keruntuhan siling di bangunan kerajaan. Pengerusi turut mencadangkan supaya faktor-faktor kos diambil kira dan dimasukkan ke dalam BQ sekiranya berlaku ketidakselesaian pada ruang pemasangan semasa proses penggantungan dilakukan;
Tindakan: **BPR Dan USPMA**

- c) Makluman oleh JEP UPK bahawa taklimat sistem cut-off akan diadakan pada 17 Oktober 2012 yang akan dihadiri oleh dua (2) orang pegawai yang dilantik daripada setiap unit;

Tindakan: **Untuk Makluman**

- d) Menubuhkan satu jawatankuasa selaras dengan pelaksanaan status pelarasan Kepala/Sub Kepala PKK mengikut pendaftaran CIDB yang diwujudkan oleh Kementerian Kerja Raya dalam menambahbaik sistem pendaftaran kontraktor;

Tindakan: **BPR Dan BPP**

- e) BPKS diminta untuk melaksanakan penubuhan Jawatankuasa Inovasi mengikut Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam (PKPA) yang berkuatkuasa;

Tindakan: **BPKS**

- f) Semua Ketua Unit diminta untuk memberikan maklumat berkaitan skop kerja setiap unit berdasarkan skop

pembentangan yang telah digariskan oleh Pengarah Kanan CKE untuk tujuan urusan penyediaan *slide* pembentangan yang akan dibentangkan semasa lawatan Y.Bhg. Dato' TKPKR (Sektor Pengurusan) dan Pengarah Cawangan Pengurusan Korporat ke Cawangan Kejuruteraan Elektrik. Pengerusi meminta agar *slide* ini dibentangkan untuk ulasan semasa mesyuarat MPT akan datang;

Tindakan: **Semua Ketua Unit**

- g) Pengerusi meminta agar pembentangan mengenai Surat Arahan KPKR: Metrik Peranan Dan Tanggungjawab Di Antara JKR Dengan Kementerian / Agensi Dalam Pelaksanaan Projek dibentangkan semasa mesyuarat MPT akan datang;

Tindakan: **UKTK**

- h) Pengerusi meminta agar garis panduan pemasangan *Main Switchboard (MSB)* di dalam *Electrical System Design & Installation Guidelines For Architects And Engineers* yang akan dikeluarkan diselaraskan dengan Garis Panduan Rekabentuk Kebolehsenggaraan (DFM) yang dikeluarkan oleh Bahagian Perkhidmatan Senggara (BPKS);

Tindakan: **JEP BPR A Dan UKTK**

- i) Pengerusi meminta agar Garis Panduan Kos Kitaran Hayat (LCC) diaplikasikan dalam projek-projek CKE yang

melibatkan alatan elektrik seperti *generator, transformer* dan sebagainya;

Tindakan: **BPR Dan BPP**

- j) JEP UPK diminta untuk mengedarkan maklumbalas dan cadangan penambahbaikan terhadap bidang kepakaran CKE yang telah dicadangkan oleh Jawatankuasa *Subject Matter Expert* kepada semua Ketua Unit Ibu Pejabat dan Negeri bagi merealisasikan dan memastikan CKE menjadi pakar rujuk dalam bidang Elektrik dan mencapai status '*Centre Of Excellence*';

Tindakan: **JEP UPK**

- k) Pengerusi mengingatkan agar status pelaksanaan projek di dalam SKALA sentiasa dikemaskini dan disahkan;

Tindakan: **Ketua Unit Terlibat Dan PO**

- l) KJE UKTK memaklumkan bahawa pihak urusetia *Electrical System Design & Installation Guidelines For Architects And Engineers* sedang dalam proses mengumpulkan semula dokumen-dokumen yang perlu ditambahbaik daripada pihak penggubal setelah komen dan beberapa penambahbaikan dibuat di peringkat Jawatankuasa Semakan. Penyelarasan *overview drawing* untuk keseluruhan infrastruktur sistem elektrik juga sedang giat dilaksanakan; Pengerusi meminta UKTK menetapkan tarikh siap kepada yang berkenaan.

Tindakan: **UKTK dan pegawai berkaitan**

m) Pengerusi meminta agar Jawatankuasa IBS mengkaji semula panduan pelaksanaan, proses dan masalah penggunaan konsep IBS dalam pemasangan elektrik;

Tindakan: **BPR Dan BPP**

n) Pengerusi mencadangkan pendaftaran aset dalam projek-projek baru dimasukkan di dalam kontrak utama selaras dengan garis panduan di dalam mySPATA;

Tindakan: **BPR Dan BPP**

o) Mesyuarat dimaklumkan status semasa pelaksanaan Projek Pusat Latihan JKR .

Tindakan: **Untuk Makluman**

4. PERBINCANGAN / PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS KERJA

Mesyuarat mengambil maklum bahawa tiada kertas kerja yang dibentangkan pada mesyuarat kali ini.

5. HAL-HAL LAIN

a) Makluman daripada KJE UKTK, Audit Dalaman SPK JKR peringkat CKE akan diadakan pada 8hb hingga 10hb Oktober 2012. Semua Ketua Unit diminta untuk

memastikan SPK menjadi budaya kerja dan mengemaskini fail-fail dan dokumentasi yang berkaitan;

Tindakan: **Semua Ketua Unit**

- b) Taklimat Tatacara Pengiraan Harga Cut-Off Baru akan diadakan pada 22hb Oktober 2012. Taklimat e-Perunding akan diadakan pada 30hb dan 31hb Oktober 2012. Bengkel Urusetia SPB, OSHAS, Safety & Health dan Penarafan Hijau akan diadakan pada 6hb hingga 10hb November 2012. Mesyuarat Jawatankuasa Safety & Health peringkat Ibu Pejabat akan diadakan pada 11hb November 2012;

Tindakan: **Untuk Makluman**

- c) Pengerusi membangkitkan lima (5) perkara yang perlu diberi perhatian dan ditangani dalam isu kualiti kerja elektrik di tapak bina;

- i. Kelemahan Pegawai Tapak Bina
- ii. Kelemahan Perunding
- iii. Kelemahan Kontraktor
- iv. Kelemahan Rekabentuk
- v. Kelemahan Bahan

Tindakan: **BPR, BPP dan BPKS**

- d) JEP UPK memaklumkan bahawa Jawatankuasa Amalan Persekitaran Berkualiti 5S CKE akan menganjurkan Pertandingan Mencipta Poster 5S pada 1hb hingga 14hb

Oktober 2012 manakala Audit 5S dirancang untuk diadakan pada 16hb hingga 18hb Oktober 2012;

Tindakan: **Untuk Makluman**

- e) KJE BPR E memaklumkan bahawa perbincangan mengenai pengalihan utiliti TNB bagi Projek RMK-10 telah diadakan pada 3hb Oktober 2012 untuk mewujudkan platform aliran komunikasi diantara JKR dan TNB bagi memantapkan proses pengalihan Utiliti TNB dan memantapkan prosidur pengalihan utiliti TNB;

Tindakan: **Untuk Makluman**

6. PENUTUP

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 10.30 pagi. Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada seluruh ahli mesyuarat.

Disediakan Oleh:

Urusetia,

Mesyuarat Pengurusan Tertinggi,

Cawangan Kejuruteraan Elektrik,

Ibu Pejabat JKR Malaysia.

11 Oktober 2012